



**JABATAN SENIBINA DALAMAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
KAMPUS SERI ISKANDAR
CAWANGAN PERAK
NOV 04 – APRIL 05**

LAPORAN

**CADANGAN MEREKABENTUK PUSAT MUZIK YAMAHA
DI MID VALLEY CITY, LINGKARAN SYED PUTRA,
59200 KUALA LUMPUR, MALAYSIA**

OLEH :

MUHD ZAHAR BIN SAIAN

2000267222

INTERIOR ARCHITECTURE

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah ke hadrat llahi di atas limpah dan kurnia-Nya sepanjang masa saya menjalakankan serta menyiapkan laporan bagi projek akhir tahun saya dalam Kursus Diploma Rekabentuk Dalaman ini.

Ucapan terima kasih juga saya kedua ibu bapa saya serta ahli keluarga yang banyak memberi dorongan dan bimbingan dari segi fizikal dan mental pada saya selama ini. Moga-moga ilmu saya direstui dan dirahmati Allah s.w.t.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Pn. Ramlah Alwi, selaku Ketua Program yang banyak membantu dalam meluluskan mana-mana kajian yang ingin saya dan juga rakan-rakan jalankan. Kepada Pn. Norashikin selaku pensyarah subjek 'Thesis' ribuan terima kasih dan sekalung budi diatas kerjasama serta tunjuk ajar yang diberikan. Selain daripada itu, tidak lupa juga saya pada pensyarah bagi mata pelajaran rekabentuk dalaman ini.

Ucapan terima kasih kepada Pn.Rohamini selaku supervisor yang banyak membantu saya dalam melengkapkan laporan ini. Terima kasih juga kepada sahabat-sahabat yang banyak membantu dalam semua proses pembentukan laporan ini.

Isi Kandungan

1.0 Pengenalan

1.1 Pengenalan Projek	2-3
1.2 Sipnosis Projek	4-5
1.3 Skop Kerja	6
1.3.1 Kaunter	6
1.3.2 Ruang latihan	6
1.3.3 Ruang informasi	6
1.3.4 Ruang Kedai Alat Muzik	6
1.3.5 Ruang koleksi Barang Yamaha	6
1.3.6 Bilik Mixer	6
1.3.7 Ruang rehat	7
1.3.8 Bilik tester	7
1.3.9 Bilik mesyuarat	7
1.3.10 Ruang Pejabat	7
1.3.11 Bengkel Instrumen	7
1.3.12 Stor	7
1.4 Skop Projek	8
1.5 Objektif Projek	9
1.6 Kepentingan Projek	10-11

1.0 PENGENALAN

1.1 PENGENALAN PROJEK

Kedai muzik, studio rakaman latihan muzik dan kelas muzik merupakan tempat atau pusat aktiviti muzik dijalankan. Pada masa ini, menjadi satu kehendak kepada masyarakat. Kemunculan pelbagai aliran muzik memberi gambaran bahawa industri ini semakin mendapat perhatian dan berkembang. Terdapat pelbagai aliran muzik seperti klasikal, tradisional, blues, jazz, balada, rock, metal, heavy metal dan sebagainya. Setiap aliran muzik ini sememangnya mempunyai peminat yang tersendiri, samada dari peringkat kanak-kanak, remaja dan dewasa.

Projek ini merupakan cadangan merekabentuk ruang dalaman sebuah pusat aktiviti muzik untuk Yamaha Music Centre. Penubuhannya adalah sebagai satu langkah menaikkan taraf industri muzik tempatan khasnya dan antarabangsa amnya. Ia juga bertujuan memberi kemudahan, hiburan dan tarikan kepada seluruh anggota masyarakat.

Untuk projek tahun akhir di dalam kursus Senibina Dalaman saya telah memilih Yamaha sebagai klien saya. Saya telah menyiapkan kerja untuk Pusat Muzik Yamaha.

1.2 SINOPSIS PROJEK

Sejak dari zaman tamadun awal lagi bidang muzik sudah mendapat perhatian, dikaji dan dipelajari. Dalam tamadun Islam juga sejarah muzik tidak ketinggalan. Ini terbukti dengan penciptaan alat muzik yang dipanggil 'Al-Ud' yang dikenali dirantau ini sebagai gambus dan juga ia merupakan ibu kepada semua gitar yang terdapat pada hari ini (Syed Yusuf Waffa, Arab Music Information Center New York). Walaupun bidang muzik sudah lama dipelopori, tetapi sehingga ke hari ini ia tetap mendapat perhatian malah pelbagai cabang dan gaya dicipta. Ini tidak dinafikan kerana ia bukan sahaja dipelajari di peringkat individu tetapi hingga universiti pun menyediakan kursus dalam bidang muzik, contohnya Fakulti Muzik di Universiti Teknologi Mara di Shah Alam, Selangor yang menyediakan kursus muzik hingga ke peringkat ijazah. Jadi tidak salah jika dikatakan muzik juga merupakan salah satu cabang ilmu pengetahuan.

Mengikut kajian melalui kertas soalan yang dijalankan, terdapat sesetengah pihak berpendapat muzik itu melalaikan. Mungkin benar, tetapi itu bagi mereka yang terlalu fanatik dan mempunyai hala tuju yang salah. Dari sudut psikologi, muzik itu dapat memberi ketenangan dan merehatkan minda. Ia juga dapat memberikan keseronokan dan kepuasan kepada pendengarnya tetapi ini bergantung kepada kesesuaian individu pada muzik yang didengar.